



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 Mei 2026 (RABU)

Aidiladha: Penternak Import Lembu Tampung Permintaan Tinggi di Pasaran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Berita	Dalam Talian	12 Mei



DUNGUN, 12 Mei (Bernama) -- Penternak lembu di Terengganu terpaksa mengimport lembu dari Thailand bagi menampung permintaan tinggi pasaran bersempena dengan sambutan Aidiladha tahun ini.

Seorang penternak, Mohd Rosdi Roslan, 35, berkata proses membawa masuk lembu import itu dilakukannya secara berperingkat sejak awal tahun susulan bekalan lembu tempatan tidak mencukupi.

“Pada tahun ini, saya menerima tempahan 100 ekor lembu untuk ibadah korban. Pelanggan saya terdiri daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masjid, surau serta individu di negeri ini.

“Saya terpaksa mengimport lembu dari Thailand kerana lembu yang saya ternak tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan,” katanya ketika ditemui Bernama di Kampung Pulut di sini, hari ini.

Mohd Rosdi berkata lembu import itu turut menjalani pemeriksaan rapi daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memastikan haiwan berkenaan bebas penyakit dan memenuhi piawaian ditetapkan sebelum dipasarkan.

Katanya, lembu itu dibawa masuk sekurang-kurangnya empat bulan lebih awal, yang ditenak di dalam kandang bagi memastikan haiwan berkenaan sihat dan mempunyai berat mencukupi sebelum dijual.

“Lembu import ini daripada baka berkualiti dan mendapat permintaan tinggi di pasaran seperti IX Cross, Brahman dan Charolais,” katanya yang mula menceburi bidang penternakan lembu ketika pandemik COVID-19 pada 2020.

Mohd Rosdi berkata kos pengangkutan lembu import dari pintu sempadan negara turut meningkat tahun ini kepada RM50 seekor berbanding RM20 seekor tahun lepas berikutan kenaikan harga operasi dan logistik.

Namun, dia masih mengekalkan harga jualan lembu seperti tahun lepas antara RM4,500 hingga RM8,000 seekor bergantung pada saiz dan baka haiwan tersebut.

Seorang lagi penternak Mohd Azhar Abd Rahman, 43, dari Kampung Nyior, Paka, di sini berkata dia turut mengimport lembu dari Thailand selepas menerima tempahan 300 ekor lembu korban tahun ini.

“Saya hanya mampu menternak 45 ekor lembu, tetapi setiap tahun saya menerima tempahan lembu korban yang tinggi termasuk daripada pelanggan di Pahang dan Kedah,” katanya.

Sementara itu, Ahmad Shahirin Che Muhammad, 39, yang hanya menjual lembu menjelang Aidiladha berkata dia mengambil sebanyak 40 ekor lembu daripada pembekal di Thailand selepas mendapat tempahan daripada pelanggan di Terengganu.

-- BERNAMA --

Ayam sabung baka luar negara bernilai lebih RM500,000 dirampas			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	-	Dalam Talian	12 Mei



PETALING JAYA – Kegiatan menyimpan ayam sabung dipercayai baka luar negara tanpa lesen sah terbongkar selepas dua premis di Batu 7, Jalan Airport, Sandakan, Sabah diserbu dalam Op Taring Sangkar, hari ini. Serbuan dijalankan Bahagian Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman bersama Jabatan Veterinar Sabah daerah Sandakan kira-kira pukul 12.15 tengah hari.

Komander WCB/PSK KDNKA Bukit Aman, Datuk Mohd. Zaki Ashar berkata, operasi itu berjaya menahan dua lelaki termasuk seorang pemegang kad sementara yang dipercayai terlibat dalam kegiatan berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan di kedua-dua lokasi menemui 87 ekor ayam dipercayai ayam sabung selain pelbagai peralatan dan ubat-ubatan berkaitan.

“Serbuan di lokasi pertama membawa kepada rampasan 18 ekor ayam disyaki ayam sabung, tiga sangkar ayam, sarung pelindung taji ayam, vitamin dan patung ayam palsu.

“Di lokasi kedua pula, sebanyak 69 ekor ayam disyaki ayam sabung ditemukan bersama beberapa sangkar, sarung pelindung taji ayam, picagari serta pelbagai jenis ubat dan vitamin,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, semakan mendapati kedua-dua premis itu tidak memiliki lesen sah berkaitan penyimpanan ayam sabung yang dipercayai diimport dari luar negara. “Anggaran keseluruhan nilai rampasan bagi kedua-dua lokasi adalah sebanyak RM529,245.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan 2015 kerana dipercayai mengimport haiwan tanpa lesen yang dikeluarkan Jabatan Veterinar Sabah,” katanya.

Tambah beliau, semua tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada Jabatan Veterinar Sabah untuk tindakan lanjut.

“Operasi ini dilaksanakan bagi mengekang aktiviti penyeludupan dan kegiatan haram berkaitan ayam sabung,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE

Industri ternakan Terengganu perlu diperluas untuk capai nisbah sara diri			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	-	Dalam Talian	12 Mei



KUALA TERENGGANU: Industri ternakan di Terengganu mempunyai ruang potensi besar untuk diperluas, memandangkan kadar nisbah sara diri (SSR) masih belum mencapai tahap 100 peratus. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu Dr Anun Man berkata kadar SSR untuk komoditi daging ketika ini hanya sekitar 38.86 peratus, manakala kambing (6.7 peratus) dan ayam (76.56 peratus).

Bagaimanapun beliau berkata berdasarkan data komoditi ternakan utama pada tahun lepas, terdapat peningkatan ketara melibatkan ternakan lembu pedaging, biri-biri dan kambing pedaging.

“Mengikut data tahun lepas ternakan lembu pedaging sekitar 107,531 ekor, biri-biri (7,631 ekor), kambing tenusu (2,146 ekor) dan kambing pedaging (38,775 ekor). Jumlah ternakan untuk semua komoditi kecuali kambing tenusu, mencatatkan peningkatan antara 0.77 hingga 10.84 peratus berbanding 2024.

“Bagaimanapun jumlah ini belum cukup untuk menampung jumlah kegunaan negeri yang semakin meningkat disebabkan pertumbuhan penduduk dan industri makanan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Dr Anun berkata untuk mencapai pembangunan industri ternakan yang mampan, kesedaran terhadap kawalan serta pencegahan penyakit amat penting dalam memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan di setiap rangkaian.

Beliau berkata setiap tahun lebih 20,000 ternakan ruminan diberi vaksin oleh JPV untuk membina imuniti bagi mencegah jangkitan penyakit, sekali gus mengurangkan penggunaan ubat-ubatan yang berbahaya dan residu dalam produk berasaskan ternakan.

Dr Anun berkata daripada aspek keselamatan makanan, pematuhan kepada pergerakan ternakan, vaksinasi dan pemeriksaan veterinar amat penting bagi memastikan sumber yang dibekalkan kepada pengguna adalah selamat.

“Seperti industri tanaman yang berdepan isu residu penggunaan pestisid, antibiotik dan ubatan terlarang dalam industri ternakan yang sangat mudah diperoleh dalam pasaran, juga amat membimbangkan.

“Pada 2025 analisa makmal terhadap daging dalam kes rampasan tanpa melalui prosedur sewajarnya oleh penguat kuasa JPV Terengganu mendapati, lebih 50 peratus sampel melebihi piawaian kandungan mikroorganisma dibenarkan, manakala 20 peratus lagi positif Salmonella yang boleh menyebabkan keracunan makanan,” katanya.

Dr Anun berkata pada tahun ini, JPV menyediakan peruntukan sebanyak RM42,326 bagi Program Biosekuriti dan Sokongan Perternak, yang merangkumi pakej peralatan biosekuriti dan makanan tambahan ternakan.

Selain itu, beliau berkata pihaknya juga menggalakkan lebih ramai pemilik ladang berusaha mendapatkan pengiktirafan pensijilan Ladang Bebas Penyakit, bagi merebut pelbagai faedah yang disediakan JPV.

“Setakat ini sebanyak 53 ladang telah berjaya mendapat pengiktirafan ini, selepas ternakan mereka diisytihar bebas Brucellosis dan penyakit kuku dan mulut (FMD).

“Antara manfaat yang diperoleh melalui pensijilan ini ialah pemindahan ternakan lebih mudah tanpa ujian ulangan, pengiktirafan ladang berkualiti tinggi dan pemasangan tag ternakan secara percuma oleh JPV,” katanya.

-- BERNAMA

Polis, Jabatan Veterinar Sabah Tumpas Aktiviti Simpan Ayam Sabung Tanpa Lesen di Sandakan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	-	Dalam Talian	12 Mei



KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Bahagian Perisikan Siasatan Khas (PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman bersama dengan Jabatan Veterinar Sabah hari ini menumpaskan aktiviti penyimpanan ayam sabung tanpa lesen dalam serbuan di dua lokasi di Sandakan, Sabah.

Pegawai Turus Siasatan Organisasi Pasukan PSK JDKNKA Bukit Aman DSP Muhammad Juwadi Ismail berkata Ops Taring Sangkar yang dijalankan pada 12.15 tengah hari itu diketuai ACP Mohamed Saif Mohamed Subri bersama pegawai PSK dan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Sandakan.

Beliau berkata serbuan dilakukan di Batu 7 dan sebuah premis tidak bernombor di Batu 7, Jalan Airport, Sandakan.

“Hasil serbuan membawa kepada penahanan dua lelaki berusia 43 dan 30 tahun kerana disyaki menyimpan ayam sabung dipercayai baka dari luar negara tanpa lesen sah... semakan mendapati tiada lesen sah berkaitan ayam sabung yang disimpan,” menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Muhammad Juwadi berkata dalam serbuan di lokasi pertama, pihak berkuasa merampas 18 ekor ayam disyaki ayam sabung, sebuah patung ayam palsu, tiga unit glove topi, tiga sangkar ayam, lapan biji Cynocobalamin (Vitamin B12) dan lapan biji multivitamin serta mineral.

Sementara di lokasi kedua, beliau berkata rampasan melibatkan 69 ekor ayam disyaki ayam sabung, sebuah patung ayam palsu, lima sangkar ayam, lima unit glove topi, empat bungkus ubat ayam jenama Ambroxil Max, tiga biji multivitamin mineral, empat biji vitamin jenama RX Excellence, sebiji vitamin jenama RX Hammer dan lima picagari.

“Jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM529,245 melibatkan RM153,490 di lokasi pertama dan RM375,755 di lokasi kedua,” katanya sambil menambah kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan 2015.

Muhammad Juwadi juga berkata semua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Veterinar Sabah di Sandakan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata operasi yang dilaksanakan dapat mengekang aktiviti penyeludupan dan aktiviti haram berkaitan ayam sabung.

-- BERNAMA --

Op Taring Sangkar: Kegiatan simpan 79 ayam sabung baka luar negara terbongkar			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	-	Dalam Talian	12 Mei



Sandakan: Aktiviti penyimpanan ayam sabung dipercayai baka luar negara terbongkar selepas 79 ekor haiwan itu dirampas dalam Op Taring Sangkar di dua lokasi sekitar Jalan Airport, di sini, hari ini.

Operasi bersepadu itu dilaksanakan Cawangan Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman bersama Jabatan Veterinar Sabah.

Komander WCB/PSK Pasukan Gerakan Am JKDNKA, Datuk Mohd Zaki Ashar berkata, operasi itu turut membawa kepada tangkapan dua lelaki bagi membantu siasatan.

"Serbuan dijalankan kira-kira jam 12.15 tengah hari di dua premis berasingan yang dipercayai dijadikan tempat penyimpanan ayam sabung tanpa lesen sah.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua lokasi terbabit tidak mempunyai sebarang kebenaran daripada Jabatan Veterinar Sabah untuk menyimpan haiwan berkenaan," katanya dalam kenyataan, malam ini.

Beliau berkata, sebanyak 79 ekor ayam disyaki ayam sabung dirampas, selain pelbagai peralatan seperti sangkar, sarung tangan taji, patung ayam palsu serta ubat-ubatan dan vitamin haiwan.

Katanya, antara barangan lain yang turut dirampas termasuk picagari dan ubat khusus penjagaan ayam yang dipercayai digunakan bagi tujuan aktiviti sabung ayam.

"Nilai keseluruhan rampasan di kedua-dua lokasi dianggarkan mencecah RM529,245," katanya.

Mohd Zaki berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan 2015 kerana mengimport haiwan tanpa lesen sah.

"Semua tangkapan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Veterinar Sabah untuk tindakan lanjut," katanya.

Tempahan lembu korban merosot			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	13 Mei

NEGARA »13

Tempahan lembu korban merosot

Permintaan lembu korban menjelang Hari Raya Aidiladha di Perak dan Kelantan pada tahun ini mencatat penurunan sehingga 30 peratus ekor orang ramai mengambil pendekatan berjimat cermat akibat konflik Asia Barat.

Lembu Korban Naik Harga			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	13 Mei

KOSMO! RABU 13 MEI 2026

NEGARA! 13

Lembu korban naik harga

- Permintaan untuk haiwan korban menurun 70 peratus
- Penternak dakwa harga jualan di Thailand melonjak

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM dan OLEH ROHANA MOHD. NAWI

TAPAH – Lonjakan harga lembu membuatkan permintaan haiwan berkenaan untuk dijadikan sembelihan korban bagi Hari Raya Aidiladha menurun antara 20 hingga 70 peratus ekoran orang ramai mengambil langkah penjimatan ketika ini.

Pemilik Latiff Farm Resources Sungai Lesong, Abdul Latiff Abd. Rashid, 43, berkata, kenaikan harga bahan api terutamanya diesel ekoran konflik di Asia Barat menyebabkan ramai tidak mengambil bahagian dalam ibadah korban pada tahun ini selain faktor cuti umum yang terhad.

Katanya, dia hanya menerima tempahan 12 ekor lembu setakat ini berbanding 20 pada kebiasaannya.

"Dua ekor lembu sado saya pun tidak terjual mungkin sebab orang berhati-hati berbelanja kerana khuatir kenaikan harga



ABDUL LATIF memberi lembu ternakannya makan ketika ditemui di Latiff Farm Resources Sungai Lesong, Tapa semalam.

barangan keperluan akan datang.

"Seekor lembu dijual antara RM4,500 hingga RM6,000 manakala lembu sado antara RM14,000 hingga RM16,000 seekor," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Lesong, Tapa semalam.

Menurut Abdul Latif, dia difahamkan ramai tidak pulang ke

kampung ketika hari raya pada 27 Mei ini memandangkan cuti tidak lama yang menyebabkan mereka tidak mengambil bahagian dalam korban.

Selain itu katanya, orang ramai juga mungkin membuat persiapan dan menyimpan duit untuk perbelanjaan kemasukan anak ke universiti atau kolej tidak

lama lagi.

Sementara itu di Kota Bharu, rata-rata penternak di Kampung Kubang Edang, Peringat di sini terpaksa membeli lembu kampung pada harga mencecah sehingga RM3,500 seekor berbanding sebelum ini hanya RM2,900.

Mohd. Adam Mohd. Alamin, 29, berkata, dia menerima se-

banyak 100 ekor lembu untuk korban pada tahun lalu dan jumlah tersebut menurun kepada 30 ekor pada tahun ini, penurunan sebanyak 70 peratus.

"Sebelum ini, harga seekor lembu kampung RM2,900 dan ia meningkat kepada RM3,500 hingga RM3,700. Saya beli lembu dari Thailand untuk ditenak sebelum dijadikan haiwan korban.

"Kemasukan lembu secara sah dari Thailand amat sukar ketika ini apabila perlu melalui pelbagai prosedur selain tambang pengangkutan yang meningkat menjadikan harga seekor lembu naik," katanya.

Mohd. Adam memberitahu keadaan itu menyebabkan dia mengambil keputusan membeli lembu kampung dari beberapa daerah untuk mencukupkan kuota permintaan penduduk yang hendak menyertai ibadah korban.

Azhar Abdullah, 55, berkata lembu yang dijual di Kampung Kemumin di sini tahun ini hanya 35 ekor berbanding 100 ekor sebelum ini.

"Stok kurang kerana lembu di Thailand naik harga selain proses membawa masuk haiwan itu bertambah rumit. Permit yang dipohon mengambil masa sehingga dua bulan untuk lulus," katanya.

Rugi Rm2.45 Juta Kemalangan Lembu di Gua Musang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	13 Mei

ipat atau www.onehopecharity.org.

dijangkakan untuk...



Rugi RM2.45 juta kemalangan lembu di Gua Musang

GUA MUSANG – Sebanyak 409 kemalangan melibatkan lembu direkodkan sepanjang 2024 sehingga April lalu membabitkan kerugian berjumlah RM2.45 juta.

Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), Mohd. Roshdi Ismail berkata, tahun ini, sebanyak 42 kemalangan membabitkan haiwan rayau itu dilaporkan setakat April lalu dengan kerugian RM252,000.

"Sebanyak 191 kes direkodkan pada 2024 dengan kerugian RM1.14 juta, diikuti 176 kes pada tahun lalu membabitkan kerugian lebih RM1 juta.

"Data ini menunjukkan kemalangan yang konsisten setiap bulan dengan angka tertinggi dilaporkan pada Oktober, Disember 2024 dan Januari 2025," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan kemalangan berlaku pada waktu malam di laluan utama disebabkan lembu berkeliaran tanpa kawalan sehingga menyukarkan pemandu mengawal kenderaan.

Katanya, kejadian itu bukan sahaja menyebabkan kerosakan pada kenderaan, tetapi melibatkan kecederaan kepada pemandu dan penumpang.

Pihak MDGM sentiasa melakukan operasi bersepadu menangkap haiwan rayau yang berkeliaran di jalan raya dengan operasi terbaharu selama tiga hari bermula kelmarin di laluan utama termasuk Jalan Gua Musang-Kuala Krai.

"Pengguna jalan raya dinasihatkan agar lebih berhati-hati terutama ketika melalui kawasan berisiko tinggi bagi mengelak kejadian tidak diingini. Penternak juga diminta supaya lebih bertanggungjawab dengan tidak membiarkan haiwan bebas berkeliaran di jalan raya," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa MDGM menangkap lembu dalam operasi di Jalan Gua Musang-Jeli berdekatan Rancangan Kemajuan Tanah Kesedar Meranto, Gua Musang baru-baru ini.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR